

Curah Pengalaman Demi Kemajuan UMP

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP), sebuah institusi pengajian tinggi teknikal berteraskan kompetensi dengan pengkhususan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi telah melakar sejarahnya tersendiri.

Ia kerana dengan berakhirnya tempoh lantikan bekas Naib Canselor (NC) UMP, Profesor Datuk Mohamed Said Mat Lela baru-baru ini, Pengarah Pusat Pengurusan Termaju Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Datuk Dr. Daing Mohd. Nasir Daing Ibrahim telah dilantik bagi menggantikan beliau pada tanggal 16 Mei lalu.

Daing Mohd. Nasir, 53, anak kelahiran Johor Bahru, Johor Darul Takzim merupakan seorang ahli akademik yang memiliki pengalaman luas dalam bidang pengurusan perakaunan, pengurusan kewangan, strategi pengurusan dan kaedah penyelidikan.

Pada tahun 1992, beliau memperoleh Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang perakaunan dari University Of Dundee, Scotland dan pernah menjadi Dekan di Pusat Pengajian Pengurusan USM selama 10 tahun.

Beliau juga merupakan seorang akauntan dan pernah menjadi Timbalan Presiden 'Fellow of the Certified Practicing Accountants of Australia' (FCPA) di Malaysia.

Kesibukan dalam menerbitkan jurnal dan sering membentangkan kertas kerja di persidangan bertaraf nasional dan antarabangsa juga tidak menghalang beliau untuk meraih banyak anugerah berprestij bagi mengiktiraf kecemerlangannya.

Antara anugerah tertinggi yang pernah dirangkul beliau ialah Anugerah Dekan Terbaik pada tahun 2006 di persidangan 'Academy for Global Business Advancement' (AGBA) di Kuala Lumpur, mengulangi anugerah sama diterima olehnya di New Delhi, India pada tahun 2004.

Namun, bagi Daing Mohd. Nasir, pelantikan sebagai Naib Canselor UMP adalah sesuatu yang begitu istimewa dan memberi cabaran unik, apatah lagi usaha berkenaan merupakan lanjutan daripada pemimpin terdahulu.

Beliau berkata, pandangan itu berasaskan kepada sasaran pembangunan UMP bagi menjadikannya salah sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) termaju dan berupaya untuk muncul sebagai pengeluar graduan kejuruteraan berkualiti, berkualiti serta disegani.

"Keistimewaan UMP terletak kepada pemfokusan IPTA ini sendiri iaitu dalam bidang teknikal dan kejuruteraan selain para pelajar terdiri daripada mereka yang pintar, kreatif dan berinovasi.

"Bagaimanapun, UMP boleh dianggap sebuah universiti baru jika dibandingkan dengan IPTA lain di Malaysia yang mana ketika ini ia sedang mengharungi proses pengukuhan.

"Oleh itu, saya berpendapat pelbagai aspek seperti pengurusan universiti, kualiti tenaga pengajar dan kemudahan peralatan pembelajaran perlu diperkemas sebelum ia mampu untuk menjadi sebagai sebuah IPTA bertaraf dunia satu hari kelak," katanya ketika ditemui di pejabatnya di UMP baru-baru ini.

Bagi mencapai matlamat itu, Daing Mohd. Nasir memberitahu, beliau tidak akan lokek dalam mencurahkan tenaga dan pengalaman yang ada dalam bidang berkaitan untuk menuai hasil sebagaimana diharapkan.

"Saya ingin mengambil pendekatan cara kerja berpasukan di kalangan staf, profesor, pensyarah dan pelajar di UMP dengan setiap individu perlu memainkan peranan dan memahami tugas masing-masing.

"Dengan berteraskan budaya kerja, status unggul dan falsafah kerja yang betul, saya percaya sasaran tersebut mampu dicapai, bukan sahaja melahirkan graduan yang menjadi rebutan majikan bahkan tenaga kerjanya



Profesor Dato' Dr. Daing Mohd. Nasir Daing Ibrahim, Naib Canselor (NC) UMP

berkualiti dan diiktiraf di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Menurutnya, ketika melalui proses pengukuhan ini juga, beliau melahirkan rasa bertuah kerana berpeluang mencorakkan budaya di IPTA itu selain melalui proses membesarkan remaja dari segi rohani dan jasmani.

"Tidak ramai yang berpeluang untuk mewarnai budaya pembelajaran dan cara kerja seperti di UMP kerana jarang-jarang sekali sesebuah IPTA ditubuhkan di negara ini.

"Bagi saya, situasi berkenaan amat menarik kerana kita mampu melakukan dan dalam masa sama mendidik mereka menjadi seorang insan intelek yang akan menyumbang kepada kemajuan negara," katanya.



Profesor Dato' Dr. Daing Mohd. Nasir Daing Ibrahim, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang yang baru bersama bekas Naib Canselor (NC) UMP, Profesor Datuk Mohamed Said Mat Lela ketika majlis penyerahan tugas.

